

11/04/2004

Kabinet yang paling mendapat perhatian rakyat

Noor Azam

"Menjadi menteri bukan memberi mereka imuniti dari segi penguatkuasaan perjalanan undang-undang." - Perdana Menteri (menjawab pertanyaan media ketika mengumumkan Kabinet baru) 27 Mac 04)

Semoga tiada lagi amalan yang membuat rakyat benci dan kecewa

DATUK SERI Abdullah Ahmad Badawi mengulangi lagi amanatnya kepada Yang Berhormat baru - secara berdepan. Juga dengan bahasa yang mudah. Yang anak-anak sekolah pun boleh faham. Walaupun kita sudah terasa jemu mendengarnya.

Namun beliau tak jemu-jemu mengulang dan mengulang pesan dan permintaannya yang sama. Kerana beliau cukup tahu, 'penyakit' yang hendak diubatnya sudah batat, tenat dan parah. Penyakit pemimpin parti yang memerintah negara yang maju ekonominya. Penyakit orang yang sihat. Penyakit hawa nafsu.

Dr Mahathir cuba mengubatnya dengan suntikan "Bersih, Cekap dan Amanah" dan "Kepimpinan Melalui Teladan", tetapi hajatnya tak tercapai. Di mana salahnya? Sekarang Pak Lah mencuba lagi. Tidak dengan suntikan slogan, tetapi dengan amaran awal dan tindakan: Kod Etika dan Laporan Prestasi setiap tiga bulan. Dan dengan janji bahawa jadi menteri tidak membawa kekebalan dan penguatkuasaan undang-undang.

Sesungguhnya godaan nafsu, kuatnya luar biasa. Lihat saja kisah Adam dan Hawa. Maka Datuk Seri Abdullah, sebagai Perdana Menteri, mengulangi amanatnya dengan menjadikannya ucapan pembukaan sidang pertama kabinetnya.

Bagi sebuah negara demokrasi, tiada mesyuarat yang lebih penting, daripada mesyuarat kabinet. Di sanalah segala-galanya yang penting diputuskan secara sah dan rasmi. Maka sebagai menteri, tentulah Yang Berhormat kita telah faham apabila amanat PM, yang secara lembut juga adalah suatu amaran, dijadikan ucapan pembuka sidang.

Tentulah mereka tidak akan mengulangi lagi amalan mereka dan teman-teman mereka masa lalu, yang menimbulkan kebencian dan kekecewaan rakyat. Tepat benarlah tajuk berita utama NST melaporkan mesyuarat pertama kabinet baru: "PM: Behave, perform, deliver".

Kemudian beliau bercakap lagi - memberikan amanat yang sama - kepada 650 orang Wakil Rakyat BN. Rasanya habislah sudah kata-kata. Rakyat pun sudah memberikan sokongan besar dan meletakkan harapan yang amat tinggi.

Justeru, kiranya ada lagi Yang Berhormat yang rasuah dan tidak menunaikan tanggungjawab sewajarnya, pastilah rakyat tak akan bersabar menunggu sampai lima tahun. Dalam zaman IT ini terlalu lama rasanya untuk menunggu tahun 2009!

Setail politik baru, Kabinet baru dan menteri baru

SEPANJANG ingatan saya, kecuali Kabinet pertama Dr Mahathir 1982, belum pernah rakyat memberikan perhatian yang begitu besar terhadap mana-mana Kabinet baru. Perhatian besar dan harapan yang tinggi kali ini disebabkan:

Pertama, Datuk Seri Abdullah, sebagai Perdana Menteri baru, telah membawa setail politik yang jelas kontras dengan setail politik Dr Mahathir. Dalam era Mahathir, selama 20 tahun, kita melalui arus politik yang sering bergegar dan bergelombang. Dr Mahathir adalah seorang panglima yang hampir sentiasa di medan perang. Tetapi, dalam masa lima bulan, Pak Lah telah membawa gaya politik baru yang membawa ketenangan. Maka Kabinet baru tentulah benar-benar baru, bukan hanya pada nama.

Kedua, Datuk Seri Abdullah telah mengumumkan beberapa kali - menjelang pilihan raya - bahawa beliau akan memilih calon-calon yang bersih dan

berwibawa, yang akan bekerja untuk rakyat. Justeru para menteri yang akan dilantik tentulah tokoh-tokoh yang bersih dan berwibawa.

Ketiga, kira-kira separuh daripada menteri, timbalan menteri dan wakil rakyat yang diberikan jawatan - sama ada di peringkat Pusat mahupun Negeri - adalah tokoh-tokoh muda. Ramai di antara mereka yang belum kita kenali wajahnya, pemikirannya dan kemampuannya. Maka rakyat ingin sekali melihat kebolehan dan kemampuan mereka.

Oleh kerana itu terdapat berbagai reaksi pro dan kontra terhadap pemilihan Kabinet baru ini. Ada yang mengatakan ia adalah suatu gabungan muka lama dan baru yang tepat dan mantap. Ada yang berpendapat tiga atau empat menteri yang patut gugur masih tidak gugur. Ada pula yang berasa terkejut dengan pengguguran beberapa tokoh lama dan pelantikan beberapa tokoh baru yang tidak terduga.

"Kabinet ini adalah untuk masa depan - dalam meningkatkan daya saing; dalam menggerakkan prestasi dan kecemerlangan; dalam membangunkan masyarakat; memupuk pemikiran kelas pertama, budaya dan nilai-nilai; dan dalam memastikan pembangunan yang mapan." - Datuk Seri Abdullah Badawi

Datuk Azalina Othman Said dan Datuk Dr Abdullah Mohd Zain yang baru pertama kali menjadi Wakil Rakyat terus jadi menteri penuh. Datuk Dr Mohd Shafie Salleh dilantik mengetuai Kementerian Pengajian Tinggi - kementerian baru yang semakin penting peranannya dan dijangka akan banyak membawa masalah baru.

Datuk Abdul Aziz Shamsuddin (Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah) dan Datuk Mohamed Khaled Nordin (Pembangunan Usahawan dan Koperasi) ditugaskan mengetuai dua kementerian yang sangat penting, khususnya bagi kemajuan Bumiputera.

Datuk Hishamuddin Tun Hussein merupakan menteri paling junior yang pernah dilantik menjadi Menteri Pelajaran - sebuah kementerian yang bukan saja sangat penting tetapi sentiasa mengalami banyak masalah yang rumit dan sensitif.

Datuk Dr Chua Soi Lek bekas Exco dari Johor, terus dilantik jadi Menteri Kesihatan, sebuah kementerian yang semakin hari semakin besar dan kritikal peranannya untuk memenuhi keperluan rakyat, terutama golongan miskin dan menengah.

Itulah antara kejutan pembaharuan yang dibuat oleh Pak Lah, menyebabkan menteri-menteri tersebut menjadi tumpuan perhatian banyak orang. Namun ini juga menunjukkan betapa besar harapannya kepada pemimpin generasi muda untuk mentadbir negara yang lebih separuh rakyatnya adalah orang-orang muda.

Ada beberapa tokoh yang kita rasakan sudah sampailah masa untuk pergi - tetapi tiada pilihan bagi PM dan Pengerusi BN - kerana kedudukan politik mereka dan peranan penting mereka dalam memenangkan BN.

Pemimpin politik dan pegawai mestilah sama-sama bersih dan komited LEBIH separuh daripada Ahli Parlimen BN telah diberikan jawatan dalam Kerajaan Pusat. Belum dihitung lagi jumlah Adun yang dilantik jadi AMMK (Exco) dan menteri di Sabah dan Sarawak. 42 muka baru dalam barisan menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen. Dan pastilah akan ada lagi pemimpin atau bekas pemimpin yang akan dilantik menduduki agensi Kerajaan Pusat dan Negeri. Datuk Leo Moggie umpamanya, telah pun dilantik menjadi Pengerusi TNB.

Maka dengan jumlah jentera yang begitu besar - yang terdiri daripada tokoh-tokoh pilihan - tiadalah sebab mengapa harapan rakyat dan matlamat Datuk Seri Abdullah tidak akan tercapai, setidak-tidaknya 70 peratus.

Dan semestinya tidak akan ada lagi projek kerajaan dan rumah murah yang akan tinggal dalam perancangan atau terbenkakai di tengah jalan. Baru seminggu dilantik, menteri-menteri sudah mula bekerja dan ada yang sudah turun padang. Terima kasih.

Setail politik dan kepemimpinan Pak Lah, yang semestinya menjadi ikutan seluruh anggota pasukannya, diharapkan dapat menghapus sikap negatif dan amalan rasuah di kalangan semua jenis kaki tangan kerajaan, terutama di peringkat atasan. Komitmen dan amalan jujur-bersih kedua pihak - pemimpin politik dan pegawai - adalah syarat utama bagi menjayakan hasrat Perdana Menteri yang juga adalah hasrat seluruh rakyat.

Khutbah Jumaat dan ceramah ustaz sering mengingatkan: Antara tanda-tanda orang yang munafik ialah bercakap bohong dan tidak menunaikan janji.

Manusia adalah makhluk yang tidak sempurna, tetapi Allah merestui hambanya yang beriman dan berusaha. Insya Allah, berjaya di dunia dan berbahagia di akhirat.

(No 86 Jalan SS22/32, Damansara Jaya, Selangor - 8 April 04)